

TABUNG HAJI PERKASA UMMAH

Sumbangan: Lembaga Tabung Haji Negeri Sabah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا

كَانُوا يَكْسِبُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ

اهْتَدَىٰ بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Jumaat yang diberkati ini, saya berpesan kepada diri sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita semua bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menikmati kesejahteraan dan keberkatan hidup serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Penguasaan ekonomi bagi setiap umat Islam di dunia ini merupakan satu keutamaan di dalam Syariat Islam. Kekuatan ekonomi sesebuah masyarakat akan memperkasa dan meningkatkan taraf kedudukan sesebuah masyarakat itu, menjadikan ia disanjung dan dihormati.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tabung Haji ialah singkatan kepada “Lembaga Tabung Haji” yang ditubuhkan pada 30 September 1963. Lembaga Tabung Haji berperanan menguruskan perjalanan jemaah haji Malaysia bagi menunaikan rukun Islam ke-5 pada setiap tahun. Hari ini, setelah 50 tahun ditubuhkan, Lembaga Tabung Haji bukan sahaja menjadi pengurus kepada hal ehwal pemergian umat Islam menunaikan ibadah haji, bahkan menjadi institusi pelaburan Islam terkemuka di dunia yang terbukti berkesan menguruskan pelaburan yang cekap bagi meningkatkan modal umat Islam menerusi pelaburan dalam sektor halal, menguntungkan dan mengikut lunas-lunas Islam.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya tanggungjawab ini selari dengan ajaran Islam yang menggesa umatnya memberi perhatian serius terhadap pembangunan fizikal dan spiritual. Hal ini kerana pembangunan dalam Islam itu berasaskan nilai dan matlamat untuk memberi kesejahteraan hidup, baik di dunia mahupun di akhirat.

Islam telah meletakkan panduan yang cukup jelas berpaksikan dua matlamat ini seperti firman Allah SWT dalam Surah Al-Qasas ayat 77:

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِ اتِّلَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۗ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ۗ

Maksudnya: “Dan tuntutan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu (akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat) janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.”

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Usaha lima dekad yang dilalui oleh Tabung Haji hingga kukuh berdiri, sebenarnya bukanlah diraih dengan mudah. Bak kata pepatah “yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang”. Khatib percaya, tanpa sokongan daripada seluruh masyarakat Islam di Malaysia, kejayaan yang diperoleh hari ini tidak akan dapat diraih.

Dahulu, demi mencukupkan perbelanjaan ke Tanah Suci, umat Islam berusaha gigih siang dan malam untuk mengumpul wang. Berbagai kaedah tradisional menyimpan wang diamalkan. Ada yang mencagarkan tanah pusaka, menjual binatang ternakan dan menggadaikan harta benda warisan bagi mencukupkan perbelanjaan ke Tanah Suci. Oleh sebab keperluan untuk memenuhi kehidupan yang sukar pada ketika itu, sering kali ibadah haji tertangguh dan akhirnya tidak dapat dilaksanakan. Ada kalanya tekanan ekonomi ini berlarutan sesudah kembalinya mereka dari menunaikan ibadah fardu haji. Kegagalan menguruskan wang dan kebimbangan terhadap sistem perbankan berunsurkan riba, secara tidak langsung turut merencatkan struktur ekonomi luar bandar serta mengancam pertumbuhan ekonomi negara.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Oleh sebab tuntutan cabaran semasa, perubahan persekitaran dan aspirasi masyarakat yang semakin celik agama, maka pentingnya perubahan dalam diri kita. Jika kita tidak berubah, kita akan menjadi tidak relevan. Bertitik tolak daripada itulah Tabung Haji telah menyusun perancangan rapi dan memberi komitmen yang tinggi menerusi penambahbaikan sistem dan pengurusan yang berkesan telah memberikan keyakinan kepada masyarakat Islam untuk menyimpan di Tabung Haji secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji.

Perlu diingatkan bahawa dunia perniagaan tidak lagi seperti dahulu. Aktiviti perniagaan telah dipelbagaikan agar menjadi sebuah institusi kewangan Islam yang mampu berdiri kukuh demi membantu memperkasakan ekonomi ummah. Oleh yang demikian, menerusi perancangan yang tersusun telah membolehkan para penabung mengambil bahagian yang lebih berkesan dalam bidang pelaburan melalui penanaman modal dengan cara yang halal seperti yang digagaskan oleh Yang Mulia Profesor Di Raja Ungku Aziz bertajuk “Rancangan Membaiki Ekonomi Bakal-bakal Haji” pada tahun 1959.

Langkah-langkah transformasi menerusi perancangan program yang lebih inovatif dan dinamik telah dilaksanakan menerusi aktiviti penajaan ummah yang lebih segar terutama dalam membangunkan sistem pengurusan yang lebih efisien dan strategik. Hasilkan lebih banyak produk-produk Islam yang mampu memberi impak maksimum kepada rakyat.

Hari ini, perkhidmatan yang terbaik yang diberikan oleh Tabung Haji kepada bakal-bakal Haji, bukan sahaja dari sudut persediaan ilmu dan kewangan sahaja, malah Tabung Haji turut dikagumi oleh jemaah haji dari negara luar kerana berjaya memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada jemaah haji sewaktu menunaikan fardu haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan.

Pada tahun 2008, Pasukan Perubatan Tabung Haji di Tanah Suci terpilih menerima anugerah pasukan perubatan jemaah haji terbaik dunia daripada Kementerian Kesihatan Arab Saudi atas perkhidmatan cemerlangnya kepada jemaah haji Malaysia.

Pengurusan yang cekap yang dijamin oleh Tabung Haji yang telah menetapkan matlamatnya untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan sempurna kepada jemaah Haji Malaysia sehingga melayakkan mereka memulangkan semula keuntungan yang maksimum itu kepada pendeposit-pendeposit atas wang simpanan mereka.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib percaya segala hasil yang makmur dan rezeki yang melimpah itu datangnya daripada usaha yang berkat dan diredai oleh Allah SWT. Ia digerakkan selari dengan kehendak ajaran Islam dan sifat orang beriman yang bersyukur dan memperoleh keampunan daripada "Rabbun Ghafur". Mudah-mudahan sidang jemaah sekalian, terus memberikan sokongan dan kepercayaan kepada Tabung Haji agar negara terus menjadi makmur. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya menerusi Surah Faatir: 29-30:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْتَجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ
لِيُوفِّيَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang selalu membaca Kitab Allah, mendirikan solat dan mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara berterang-terang, mereka mengharapakan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mensyukuri."

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Inilah roh 'ibadah haji' yang dijiwai oleh para kakitangan Tabung Haji dan pelanggan-pelanggan yang sentiasa komited dan yakin dengan sistem pengurusan yang dilaksanakan berasaskan syariah selama ini. Tanpa pengorbanan baik tenaga, fikiran dan harta benda, tidak mungkin syariat Allah SWT dapat ditegakkan. Falsafah inilah yang kita pelajari setiap kali kita meraikan sambutan Hari Raya Aidiladha. Peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim AS yang sanggup meninggalkan isteri dan anak-anaknya bersendirian di tanah Mekah, semata-mata untuk membuktikan pengorbanannya kepada Allah SWT. Demikian juga Nabi Ismail AS yang sanggup mengorbankan nyawanya untuk disembelih oleh ayahandanya demi menegakkan agama.

Insafilah bahawa tanpa perjuangan dan pengorbanan untuk membangun agama Allah dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara; maka agama akan hilang keagungannya sehingga ianya mudah dipermainkan oleh musuh-musuh Islam. Justeru Allah menuntut kita berjuang dan berkorban, sepertimana dalam firman-Nya dalam Surah At-Taubah ayat 111:

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ لَهُمُ الْجَنَّةَ ...

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang yang beriman akan jiwa dan harta benda mereka dengan (balasan), bahawa mereka akan beroleh syurga..."

MUSLIMIN SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Usaha untuk memperkukuh ekonomi umat Islam dengan menyimpan dan melabur serta meneruskan kepercayaan menggunakan perkhidmatan Tabung Haji juga, merupakan sebahagian daripada makna jihad. Jihad dalam rangkaian kata memperluaskan makna ibadah dengan matlamat untuk memperbesar, memperpanjang dan memperluaskan syariat Allah SWT. Ia merupakan jalan untuk mencapai takwa dan melahirkan akhlak yang mulia. Inilah yang dituntut oleh agama yang berbeza dengan sistem ekonomi kapitalis.

Sistem ekonomi kapitalis modalnya duit untuk mendapatkan duit, tetapi dalam ekonomi Islam modalnya takwa untuk mendapatkan takwa. Simpanan di Tabung Haji akan memberi ruang kepada umat Islam untuk memperbanyak amalan baik melalui peningkatan bayaran zakat tabung haji, memperkasakan syiar Islam serta melaksanakan sistem kewangan Islam yang mematuhi hukum syarak.

Khatib percaya, hasil daripada kegiatan perniagaan yang berlandaskan takwa, akan membentuk ukhuwah dan kasih sayang, kemesraan, bertolong bantu, bersopan santun, mendahulukan kepentingan orang lain dan berbagai-bagai lagi sifat-sifat yang luhur dalam masyarakat. Premis perniagaan berasaskan takwa merupakan pusat bina insan yang cukup praktikal dan menguntungkan.

Budaya kasih sayang dan saling bekerjasama inilah yang menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Ansar dan Muhajirin yang diikat oleh iman dan takwa kepada Allah SWT serta menjadi faktor utama tertegaknya negara Islam Madinah. Justeru itu, Allah SWT memerintahkan kita mengukuhkan kepercayaan menerusi perpaduan dan keyakinan berasaskan tonggak iman dan takwa seperti firman-Nya dalam Surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا...^ع

Maksudnya: *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai...”*

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai sebuah institusi penting menjelang tahun 2020, Tabung Haji sentiasa berdoa agar kemakmuran negara berkembang pesat. Atas apa juga cabaran yang bakal dihadapi, Tabung Haji akan terus bergerak seiring demi mempertingkatkan taraf kemajuan dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Biarpun kadang Tabung Haji diuji dari sudut dalaman dan luaran tetapi khatib percaya ia bukanlah kerana persaingan. Dalam dunia globalisasi, ketika dunia berada di hujung jari, Tabung Haji tidak akan kalah untuk berdepan dengan segala persaingan baik pada peringkat global mahupun pada peringkat global.

Sesungguhnya khatib percaya, sebagai sebuah negara Islam contoh yang semakin menjadi rujukan dunia Islam, Tabung Haji akan terus relevan memainkan perananan memperkasa ummah selari dengan prinsip wasatiyyah yang diterapkan oleh pihak kerajaan. Prinsip dan pendekatan wasatiyyah yang bersifat adil, kesederhanaan, berimbang dan harmoni ini bukanlah sesuatu yang baru, tetapi telahpun berjaya diterapkan pada zaman Kerajaan Islam Madinah yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Khatib yakin bahawa dengan mengamalkan prinsip wasatiyyah ini dalam pengurusan merupakan pendekatan terbaik untuk mengurus pembangunan Hal Ehwal Islam di negara kita yang begitu unik dari segi masyarakat dan cabaran-cabarannya. Hal ini dijelaskan oleh Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada ahlinya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.."

Mengakhiri khutbah, mimbar ini menyeru marilah kita sama-sama memahami pengajaran penting sempena sambutan Jubli Emas 50 tahun penubuhan Tabung Haji seperti yang telah dihuraikan tadi, agar kesetiaan kita sebagai warga negara Muslim dapat membantu Tabung Haji untuk terus berkhidmat dan memperkasa ummah. Mudah-mudahan kita akan berbahagia di dunia dan di akhirat.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya: " Dan Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami bukakan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami) lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahaka."

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ , وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ , وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلسائر الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فِيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah